

D768

R B121 BAH
MAHATHIR - PAS

PENDANG, 20 OKT (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MALAM INI BERKATA SATU CARA MUDAH BAGI PAS UNTUK BERBAIK-BAIK DENGAN UMNO IALAH DENGAN MEMUTUSKAN HUBUNGANNYA DENGAN PARTI PEMBANGKANG LAIN.

+NAK BAIK DENGAN UMNO MUDAH SAJA, JANGAN BERKAWAN DENGAN SEMANGAT 46, DAP DAN PARTI BERSATU SABAH,+ KATANYA KETIKA BERUCAP MENGAKHIRI KEMPEN PILIHAN RAYANYA DI SINI.

BELIAU HAIRAN MENGAPA PAS MELETAKKAN PELBAGAI SYARAT UNTUK BERBAIK-BAIK DENGAN UMNO SEDANGKAN PARTI ITU MUDAH MENJALIN HUBUNGAN DENGAN SEMANGAT 46 DAN DAP.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENINGATKAN PARA PENYOKONG PAS SUPAYA JANGAN MENGIKUT PEMIMPIN MEREKA SECARA MEMBUTA TULI.

MENURUTNYA, PARA PEMIMPIN PAS TELAH TERPESONG JAUH DARIPADA MATLAMAT PERJUANGAN MEREKA, DAN MENYIFATKAN MEREKA TELAH +MENGGADAIKAN MARUAH+ DENGAN TINDAKAN MENYERAHKAN BANYAK KERUSI YANG MEREKA TANDINGI SEBELUM INI KEPADA SEMANGAT 46 DAN DAP.

CALON-CALON BN BAGI KAWASAN PARLIMEN PENDANG, ENCIK OTHMAN ABDUL DAN CALON DEWAN UNDANGAN NEGERI BUKIT RAYA, SYED MANSOR BARAKBAH DAN CALON DEWAN UNDANGAN NEGERI AYER PUTEH, PUAN FATIMAH HAJI ISMAIL TURUT HADIR PADA PERHIMPUNAN ITU YANG DIHADIRI OLEH BEBERAPA RIBU ORANG PENYOKONG BN. -- BERNAMA.

2331MST 20 10 90